

PEMBINAAN DAN PENGUJIAN MODUL PENGURUSAN KESELAMATAN BAGI AKTIVITI KOKURIKULUM DI SEKOLAH

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

ALVIN RAJ A/L SANTHANADASS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

**PEMBINAAN DAN PENGUJIAN MODUL PENGURUSAN KESELAMATAN
BAGI AKTIVITI KOKURIKULUM DI SEKOLAH**

ALVIN RAJ A/L SANTHANADASS

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 14 (hari bulan) Mei (bulan) 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, Alvin Raj A/L Santhanadass, P20191000989, Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawadisertasi/tesis yang bertajuk Pembinaan dan Pengujian Modul Pengurusan Keselamatan bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Jaffry bin Zakaria (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pembinaan dan Pengujian Modul Pengurusan Keselamatan bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan Jasmani.

5.6.2024

Tarikh

DR. JAFFRY BIN ZAKARIA
DEKAN
FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35190 TANJONG MALIM, PERAK

Tandatangan Penyelia

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title : Pembinaan dan Pengujian Modul Pengurusan Keselamatan bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah
No. Matrik / Matric's No. : P20191000989
Saya / I : Alvin Raj A/L Santhanadass
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


☐


TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar / Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh:

5/6/24

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT dan TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Saya bersyukur pada Tuhan kerana dengan berkatNya dapat menyiapkan disertasi bertajuk “Pembinaan dan pengujian modul pengurusan keselamatan bagi aktiviti kokurikulum di sekolah” yang dapat disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan untuk memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan Jasmani. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya Dr Jaffry Zakaria yang memberi peluang kepada saya untuk menjadi pelajar di bawah penyeliaannya dan di atas segala bimbingan, panduan, tunjuk ajar, sokongan, nasihat yang membina di sepanjang pengajian saya. Ilmu yang dicurahi tanpa mengira masa, tempat dan waktu amat saya hargai. Terima kasih juga kepada Prof Dr Ahmad Hashim yang sentiasa sudi membantu dalam memberi bimbingan dan nasihat untuk menyiapkan tesis ini. Selain itu, sekalung penghargaan dan sekalung budi kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang pada saya untuk melanjutkan pelajaran saya ke peringkat Doktor Falsafah. Di samping itu, terima kasih juga kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pengetua-pengetua sekolah yang membenarkan kajian ini dijalankan serta memberi kerjasama sepenuhnya semasa kajian dijalankan. Rakaman terima kasih juga ditujukan kepada bapa saya Santhanadass, *thank you dad although you are not here but you always in my mind and in im my heart, thank you for raising me up and i had make you proud Dad*. Ibu saya Lourdy Mary atas doa dan sokongan yang tidak berbelah bagi dan sentiasa di sisi saya, menyokong saya walau dalam apa jua keadaan. *This is for your 75th birthday present mom and thank you for your prayer mom*. Terima Kasih juga untuk isteri saya Diana Jipmon yang sentiasa memberi motivasi, sokongan, doa dan berkorban masa dalam memastikan saya dapat menyiapkan tesis ini. Saya titipkan juga buat anak-anak saya Elijah Nathan dan Elisha Eva yang menjadi dorongan, inspirasi saya untuk menyiapkan tesis ini. Serta staf-staf fakulti sains sukan dan kejurulatihan, unit pasca siswazah, unit tesis dan lain-lain unit yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung di sepanjang proses penyiapan kajian ini.

ABSTRAK

Aktiviti kokurikulum adalah kegiatan yang dilaksanakan di luar proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum formal. Ia merupakan medan pembelajaran untuk mengukuhkan pengalaman dan perkembangan aspek pembangunan pelajar secara holistik. Penglibatan dalam kokurikulum sememangnya terdedah kepada pelbagai isu keselamatan sebelum, semasa mahupun selepas aktiviti dijalankan. Tujuan utama kajian ini adalah bagi membina dan menguji modul pengurusan keselamatan kokurikulum berdasarkan faktor persekitaran, peralatan dan pelajar. Pembinaan modul ini menggunakan pendekatan model Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad, (2005). Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk eksperimental sebenar. Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru sekolah di 24 daerah, negeri Sabah. Seramai 80 orang guru penasihat kokurikulum di pilih secara rawak mudah untuk kumpulan kawalan ($n=40$) dan kumpulan intervensi ($n=40$) berdasarkan saiz kesan persampelan Cohen (1988). Dapatan kajian menunjukkan modul yang dihasilkan mempunyai kesahan bahasa ($r=.91$) dan kesahan kandungan ($r=.92$). Manakala nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha adalah $r=.97$. Analisis MANOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ($p=.000$) di mana min kumpulan rawatan bagi faktor persekitaran ($M=36.90$, $SD=3.73$), faktor peralatan ($M=38.78$, $SD=3.63$) dan faktor pelajar ($M=38.20$, $SD=3.58$) lebih tinggi daripada min kumpulan kawalan ($M=29.08$, $SD=3.20$), faktor peralatan ($M=28.80$, $SD=3.20$) dan faktor pelajar ($M=29.73$, $SD=3.98$). Kajian ini mendapati pembinaan modul pengurusan keselamatan kokurikulum membawa manfaat yang optima dan impak yang positif terhadap pelbagai pihak terutamanya guru-guru, warga sekolah dan pelajar. Modul ini membantu memastikan aspek keselamatan persekitaran, peralatan dan keaktifan pelajar dijaga dengan baik dalam setiap program kokurikulum yang membantu usaha pembinaan modal insan secara holistik.

DEVELOPMENT AND VALIDATION OF SAFETY MANAGEMENT MODULE FOR CO-CURRICULAR ACTIVITIES IN SCHOOL

ABSTRACT

Co-curricular activities implentend beyond the formal curriculum teaching and learning process. It is a learning field to strengthen the experience and development of holistic aspects of student development. Involvement in co-curriculum in school is exposed to various security issues before, during and after the activities. The main purpose of this study is to build and test co-curricular safety management modules in school based on environmental, equipment and student factors. The construction of this module uses the approach of model of Sidek Mohd Noah and Jamaludin Ahmad, (2005). This quantitative study uses real experimental design. The study population consisted of school teachers in 24 districts, in Sabah . A total of 80 co-curricular advisory teachers were randomly selected for the control group (n=40) and intervention group (n=40) based on the size of the sampling effect of Cohen (1988). The findings showed that the resulting module had language validity ($r=.91$) and content validity ($r=.92$). While the reliability value of Cronbach Alpha is $r=.97$. The MANOVA analysis showed that there were significant differences ($p=.000$) where the mean of the treatment group for environmental factors ($M=36.90$, $SD=3.73$), equipment factors ($M=38.78$, $SD=3.63$) and student factors ($M=38.20$, $SD=3.58$) were higher than the mean of the control group ($M=29.08$, $SD=3.20$), equipment factor ($M=28.80$, $SD=3.20$) and student factor ($M=29.73$, $SD=3.98$). This research discovered that implementing a co-curricular safety management module in schools yields significant benefits and positive outcomes for multiple stakeholders, particularly teachers, parents, and students. This module ensures the upkeep of safety standards across student co-curricular activities, based on environments, participants and equipment programs, thereby contributing to comprehensive human capital development initiatives.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	9
1.3 Penyataan Masalah	16
1.4 Kepentingan Kajian	21
1.5 Objektif Kajian	23
1.6 Persoalan Kajian	23
1.7 Hipotesis Nul Kajian	24
1.8 Limitasi Kajian	25
1.9 Definisi Operasional	26
1.9.1 Pembinaan	26
1.9.2 Pengujian	26



1.9.3	Modul	27
1.9.4	Pengurusan Keselamatan	27
1.9.5	Pembelajaran di Luar Bilik Darjah	27
1.9.6	Kokurikulum di Sekolah	28
1.10	Rumusan	28
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	30
2.2	Anteseden Keselamatan dan Pengurusan Keselamatan	31
2.3	Pendekatan Pengurusan Keselamatan	35
2.4	Teori-Teori dan Model Berkaitan	37
2.4.1	Teori Heinrich Domino	38
2.4.2	Teori Faktor Kesilapan Manusia Ferrel	40
2.4.3	Teori Kemalangan Petersen	43
2.4.4	Model-Model Pengurusan Keselamatan	46
2.4.4.1	Model Kerosakan Tenaga Viner	47
2.4.4.2	Model Firenzie	49
2.4.4.3	Model Dynamics of Accidents	52
2.4.4.4	Model Swiss Cheese	55
2.4.4.5	Model Clement	58
2.5	Kerangka Teoretikal Kajian	61
2.6	Kajian-Kajian Lepas yang Berkaitan	64
2.6.1	Kajian Pembelajaran Aktiviti Kokurikulum	64
2.6.2	Kajian Kecederaan Sukan dalam Aktiviti Kokurikulum	83
2.6.3	Kajian Pengurusan Keselamatan Berasaskan Pengetahuan Guru	93

2.7	Rumusan	123
-----	---------	-----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	125
3.2	Reka Bentuk Kajian	127
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	133
3.4	Pemboleh Ubah Kajian	136
3.5	Fasa (1) Prosedur Pembinaan Modul Pengurusan Keselamatan bagi aktiviti kokurikulum di sekolah	137
3.5.1	Peringkat Pertama Penyediaan Draf Modul	139
3.5.1.1	Langkah Pertama: Membina Matlamat	139
3.5.1.2	Langkah Kedua: Mengenal Pasti Teori, Rasional, Falsafah, Konsep, Sasaran dan Tempoh Masa	140
3.5.1.3	Langkah Ketiga: Menjalankan Kajian Analisis Keperluan	143
3.5.1.4	Langkah Keempat: Penetapan Tujuan yang Spesifik Atau Terperinci	154
3.5.1.5	Langkah Kelima: Pemilihan Isi Kandungan	155
3.5.1.6	Langkah Keenam: Pemilihan Strategi	158
3.5.1.7	Langkah Ketujuh: Pemilihan Logistik	159
3.5.1.8	Langkah Kelapan: Pemilihan Media	160
3.5.1.9	Langkah Kesembilan: Penyatuan Draf Modul	161
3.5.2	Peringkat Kedua (a) Kajian Rintis (Mencuba dan Menilai Modul)	161
3.5.3	Peringkat Kedua (b) Kajian Rintis Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul	163
3.6	Fasa (II) Prosedur Konstruk Instrumen Soal Selidik	175
3.6.1	Langkah Satu: Mengkaji Kriteria Soal Selidik	179

3.6.2	Langkah Kedua: Menganalisis Komponen-Komponen Soal Selidik dan Item yang Dipilih	180
3.6.3	Langkah Ketiga: Mengenal Pasti Kajian	182
3.6.4	Langkah Keempat: Pemilihan Item Instrumen Soal Selidik	183
3.6.5	Langkah Kelima: Menerbitkan Prosedur Soal Selidik Penilaian Modul	183
3.6.6	Langkah Keenam: Merujuk Pakar	184
3.6.7	Langkah Ketujuh: Mentadbirkan Kajian Rintis	185
3.6.8	Langkah Kelapan: Menentukan Kesahan dan Kebolehpercayaan	187
3.6.8.1	Kesahan Kandungan	189
3.6.8.2	Menentukan Kesahan Konstruk	190
3.6.8.3	Menentukan Kebolehpercayaan	191
3.6.9	Langkah Kesembilan: Menentukan Kesahan dan Kebolehpercayaan	214

3.7	Fasa (III) Pentadbiran Kajian Sebenar	215
3.7.1	Lokasi Kajian	216
3.7.2	Populasi Kajian	218
3.7.3	Sampel Kajian	219
3.7.4	Instrumen Kajian	226
3.7.5	Prosedur Mengumpul Data	227
3.7.6	Kaedah Analisis Data	228
3.8	Rumusan	231

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	232
4.2	Analisis Kesahan Pakar Modul	233



4.3	Analisis Kebolehppercayaan Modul Aktiviti Kokurikulum Di Sekolah	236
4.4	Analisis Perbezaan Faktor Persekitaran Terhadap Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	238
4.5	Analisis Perbezaan Faktor Peralatan Terhadap Pengurusan Keselamatan Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	243
4.6	Analisis Perbezaan Faktor Pelajar Terhadap Pengurusan Keselamatan Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	247
4.7	Analisis Perbezaan Faktor Persekitaran, Faktor Peralatan dan Faktor Pelajar Terhadap Pengurusan Keselamatan Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	252
4.8	Rumusan	255

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	257
5.2	Kesahan Modul Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	258
5.3	Kebolehppercayaan Modul Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	260
5.4	Pengaruh Faktor Persekitaran Terhadap Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	262
5.5	Pengaruh Faktor Peralatan Terhadap Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	265
5.6	Pengaruh Faktor Pelajar Terhadap Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	269
5.7	Pengaruh Faktor Persekitaran, Faktor Peralatan dan Faktor Pelajar Terhadap Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	272
5.8	Kesimpulan	276
5.9	Cadangan	279
5.9.1	Pejabat Pendidikan Daerah	280
5.9.2	Pengurusan Sekolah dan Guru	280



5.9.3	Pengkaji Akan Datang	281
5.10	Penutup	282
RUJUKAN		284
LAMPIRAN		



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Pemboleh Ubah Kajian	136
3.2	Kesahan Instrumen Soal Selidik Berdasarkan Pakar Bahasa	146
3.3	Kesahan Instrumen Soal Selidik Analisis Keperluan Berdasarkan Pakar Kandungan	147
3.4	<i>Analisis Keperluan Bagi Pembinaan Modul Pengurusan Keselamatan kokurikulum di Sekolah</i>	148
3.5	Item Soal Selidik Instrumen Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	180
3.6	Kesahan Instrumen Soal Selidik Berdasarkan Pakar Bahasa	201
3.7	Kesahan Instrumen Soal Selidik Berdasarkan Pakar Kandungan	202
3.8	Keputusan Ujian <i>Barlett's</i> dan <i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>	206
3.9	Keputusan Mengenai Jumlah Varian	207
3.10	<i>Total Variance Explained</i>	208
3.11	Kesahan Konstruk Bagi Komponen Putaran <i>Matriks Rotated Component Matrix</i>	209
3.12	Item Soal Selidik Hasil Analisis	210
3.13	Kajian Rintis - Nilai Pekali Kebolehpercayaan Soal Selidik Modul Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	213
3.14	Senarai Sekolah di Negeri Sabah	217
3.15	Saiz Sampel Kajian Berdasarkan Kuasa dan Saiz Kesan	223
3.16	Jenis-Jenis Analisis Statistik Yang Digunakan Bagi Menjawab Persoalan Kajian	228





3.17	Jenis-Jenis Analisis Statistik yang Digunakan Bagi Menjawab Hipotesis Nul Kajian	229
4.1	Kesahan Bahasa Modul Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	234
4.2	Kesahan Kandungan Modul Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	235
4.3	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Modul Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	237
4.4	<i>Levene's Test of Equality of Error Variances(a)</i>	240
4.5	<i>Homogeneity of Regression Slopes. Kesan Ujian Antara Subjek (Tests of Between-Subjects Effects)</i>	240
4.6	Analisis Deskriptif Skor Pasca Faktor Persekitaran	241
4.7	<i>Kesan Ujian Antara Subjek (Tests of Between-Subjects Effects)</i>	242
4.8	<i>Estimated Marginal Means</i> Faktor Persekitaran	243
4.9	<i>Levene's Test of Equality of Error Variances(a)</i>	244
4.10	<i>Homogeneity of Regression Slopes. Kesan Ujian Antara Subjek (Tests of Between-Subjects Effects)</i>	245
4.11	Analisis Deskriptif Skor Pasca Faktor Peralatan	245
4.12	<i>Kesan Ujian Antara Subjek (Tests of Between-Subjects Effects)</i>	246
4.13	<i>Estimated Marginal Means</i> Faktor Peralatan	247
4.14	<i>Levene's Test of Equality of Error Variances(a)</i>	249
4.15	<i>Homogeneity of regression slopes. Kesan Ujian Antara Subjek (Tests of Between-Subjects Effects)</i>	249
4.16	Analisis Deskriptif Skor Pasca Faktor Pelajar	250
4.17	<i>Kesan Ujian Antara Subjek (Tests of Between-Subjects Effects)</i>	250
4.18	<i>Estimated Marginal Means</i> Faktor Pelajar	251
4.19	<i>Ujian Multivariate</i>	252
4.20	<i>Tests of Between –subjects Effects</i>	253



4.21	MANOVA Berdasarkan Faktor Persekitaran, Faktor Peralatan dan Faktor Pelajar	254
------	---	-----



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Teori Heinrich Domino (1941) Diadaptasi daripada <i>Industrial Accident Prevention</i> .	38
2.2	Teori Faktor Kesilapan Manusia Ferrel (1977) Diadaptasi dan Diubahsuai dari <i>The National Safety Management Society Washington</i> .	41
2.3	Teori Kemalangan Petersen (1982) Diadaptasi dan Diubahsuai dari <i>Safety Institute of Australia</i> , (2012).	43
2.4	Model Kerosakan Tenaga Viner 1991. Diadaptasi dari Pryor, (2012). <i>Hazard As a Concept</i> .	48
2.5	Model Firenzie (1978). Diadaptasi dan Diubahsuai dari <i>The Process of Hazard Control. New York: Kendall/Hunt</i> .	49
2.6	Model Dynamics of Accidents. Diadaptasi dan Diubahsuai dari Alan Hale (1984).	53
2.7	Model Swiss Cheese Reason (1990)	55
2.8	Model Pengurusan Risiko Clement (1998)	58
2.9	Model Teoretikal Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah	62
3.1	Reka Bentuk Kumpulan Kawalan Pra Dan Pasca Ujian. Diadaptasi dari Campbell dan Stanley, (2015). <i>Experimental and Quasi- Experimental Designs for Research</i> . Ravenio Books	129
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	134
3.3	Model Pembinaan Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005)	138
3.4	Proses Pembinaan Soal Selidik	176
3.5	Carta Alir Pembinaan Instrumen Soal Selidik. Diadapatasi dan Diubah suai dari Pembinaan Ujian Motor Morrow et al., 1995	178



3.6	Proses Menguji Kesahan dan Kebolehpercayaan. Diadaptasi dan Diubah suai dari Santhanadass, (2015)	195
3.7	Bilangan Komponen dengan <i>Eigenvalue</i> Melebihi Nilai Satu	207
3.8	Kerangka Prosedur Kajian	215
3.9	Kaedah Persampelan Rawak Mudah	225

SENARAI LAMPIRAN

- A Modul Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah
- B Soal Selidik Modul Pengurusan Keselamatan Bagi Aktiviti Kokurikulum di Sekolah
- C Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – RMIC (UPSI)
- D Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – KPM (EPRD)
- E Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – JPN Sabah
- F Borang Pakar Bahasa Modul
- G Borang Pakar Konten/Kandungan Modul
- H Borang Pakar Bahasa Soal Selidik Modul
- I Borang Pakar Konten/Kandungan Soal Selidik
- J Surat Semakan Modul Oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia
- K Surat Lantikan Pakar Bahasa Modul dan Soal Selidik
- L Surat Lantikan Pakar Kandungan Modul dan Soal Selidik
- M Soal Selidik Analisis Keperluan
- N Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah

BAB 1

PENDAHULUAN

Aktiviti kokurikulum di sekolah adalah aktiviti berkumpul di mana aktiviti yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberi peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah dengan selamat (Fadzil dan Ahmad, 2010). Pelaksanaan program sekolah selamat yang dilancarkan pada tahun 2002, berdasarkan surat pekeliling ikhtisas bilangan 4/2002 adalah bertujuan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat. Program ini adalah bagi memastikan pihak sekolah, guru dan pelajar merasa selamat untuk menjalankan aktiviti kokurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Sekolah selamat turut membawa maksud satu situasi yang tiada bahaya, ruang yang boleh menimbulkan bahaya dan perlindungan serta situasi yang tidak berisiko dengan kecederaan (Holt, 2005).

Keselamatan merujuk kepada persekitaran kerja yang selamat dan bebas dari risiko kecederaan, (Raudhiah, Nakiah dan Hashim 2015). Manakala Zakaria, Safial dan Ismail (2014) menjelaskan, keselamatan dalam konteks sekolah adalah meliputi aspek keselamatan peralatan, pengendali aktiviti dan persekitaran kawasan aktiviti yang dijalankan.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga ingin program sekolah selamat ini menjadi satu amalan dan budaya dalam kehidupan seharian guru dan pelajar serta warga sekolah. Hasil usaha KPM yang turut menerbitkan manual sekolah selamat yang dikeluarkan oleh KPM menyentuh 25 elemen perancangan bagi sekolah selamat. Antara elemen yang diberikan penekanan adalah aktiviti kokurikulum dan rekreasi, kawalan sekolah selamat, penilaian dan pemantauan perundangan, pengurusan bencana alam dan kecemasan serta beberapa elemen yang menyentuh berkaitan sekolah, pelajar dan penglibatan komuniti setempat. Hal ini disokong oleh Kalaiselvan dan Daud (2021) yang menyatakan isu keselamatan di sekolah menjadi satu isu yang hangat dan sensitif disebabkan melibatkan kecederaan nyawa, harta benda dan kualiti pendidikan sesebuah organisasi. Justeru, Marinah Awang dan Norhazwani Suyanto (2017) menyatakan kes-kes kemalangan, kecederaan dan kematian yang membabitkan pelajar terus berlaku di dalam atau luar kawasan sekolah. Hal ini juga turut meningkatkan kerisauan serta kegusaran dalam kalangan ibu bapa serta komuniti setempat berkaitan keselamatan pelajar dalam menjalankan aktiviti kokurikulum, di sekolah mahupun di luar sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia sangat prihatin dan sentiasa peka terhadap keselamatan pelajar di sekolah yang mengutamakan budaya selamat dalam segala aspek



termasuk dalam aktiviti kokurikulum dan kurikulum. Sehubungan dengan itu, KPM menjalankan tanggungjawab dalam memastikan amalan dan budaya selamat terus kekal dalam kalangan guru dan pelajar dengan mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 9/2000 berkaitan panduan keselamatan diri pelajar semasa pengajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan serta kegiatan kokurikulum dan sukan di dalam dan di luar kawasan sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Surat pekeliling ini membuktikan kesungguhan pihak KPM menitikberatkan keselamatan untuk mengatasi risiko yang dihadapi oleh pelajar dan guru semasa melaksanakan aktiviti.

Jelasnya, KPM memikul tanggungjawab dan prihatin terhadap pelajar-pelajar ini dan guru-guru sekolah dengan mengeluarkan surat pekeliling ikhtisas bilangan 8/2001. Keadaan ini memberi implikasi yang besar terhadap pengurusan keselamatan pelajar di sekolah terutamanya kokurikulum. Dalam surat pekeliling ikhtisas bilangan 8/2000 klausa 2.5 menyatakan bahawa pihak pentadbir sekolah perlu mengingatkan pelajar-pelajar ini berkaitan dengan keselamatan diri setiap masa ketika perhimpunan diadakan. Manakala guru perlu menyampaikan panduan berkenaan kepentingan menjaga keselamatan diri semasa di dalam atau di luar kelas yang melibatkan aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah. Antara yang ditekankan dalam panduan adalah berkaitan dengan faktor persekitaran, faktor peralatan serta faktor pelajar iaitu tingkah laku yang boleh memudaratkan diri dan orang lain.

Pada masa yang sama, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (AKKP) 2013 di bawah bidang kuasa Akta 514, meletakkan tanggungjawab keselamatan dan kesihatan pelajar kepada pihak sekolah untuk memastikan keselamatan dan kawalan risiko pelajar ketika menjalankan aktiviti di dalam bilik darjah atau aktiviti di luar bilik darjah.





(*Occupational Safety and Health Act (OSHA)*, 1994). Hal ini menunjukkan bahawa pihak sekolah terutamanya guru-guru bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan pelajar tidak terabai dan dipantau semasa pelajar berada dalam kawasan sekolah.

Pihak pengurusan sekolah bertanggungjawab untuk memastikan sekolah dan kawasan pembelajaran aktiviti kokurikulum menjadi tempat yang selamat dan sihat kepada semua kakitangan dan pelajar. Selain itu, kewajiban umum yang perlu dilaksanakan oleh pentadbiran sekolah adalah memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pelajar dan pekerja mereka berdasarkan Seksyen 15, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (AKKP) (1994). Kewajiban membentuk dasar keselamatan dan kesihatan berasaskan Seksyen 16, AKKP (1994) merangkumi aspek perundangan, sebagai sebuah tempat kerja, sekolah tertakluk kepada akta keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Hal ini adalah bertujuan bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan serta melindungi setiap orang dari aspek psikologi dan fisiologi.

Selain itu, Kementerian Sumber Manusia di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) turut membantu dalam mengatasi masalah risiko keselamatan sekolah dengan menganjurkan pameran, seminar, dan bengkel tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Jabatan tersebut telah memperkenalkan program Keselamatan dan Kesihatan di Sekolah (*OSH in School*) sejak 2015 dengan memberikan penerapan berkaitan aspek keselamatan diri bagi aktiviti kokurikulum di sekolah (Suzianah Jiffar 2017). Walaupun langkah-langkah keselamatan dan pengawalan risiko untuk memastikan tidak berlaku kemalangan dan insiden yang tidak diingini ketika pembelajaran aktiviti kokurikulum di sekolah dijalankan, namun





perkara tersebut masih terus berlaku bahkan insiden tersebut semakin meningkat setiap tahun (Yunus, Zachariah dan Adnan, 2018; Hassan et al., 2017).

Pembelajaran aktiviti kokurikulum di sekolah sepatutnya menyeronokkan dalam usaha menyediakan pelajar-pelajar ini dengan pengetahuan dan pengalaman bagi perkembangan mental, minat, menggembeleng bakat jasmani, rohani dan pembentukan nilai-nilai estetika serta sahsiah yang positif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989). Kenyataan ini turut disokong oleh Brown-Liburd dan Porco (2011) yang menyatakan bahawa pembelajaran aktiviti kokurikulum di sekolah memainkan peranan penting untuk kemenjadian pelajar dalam aspek perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial. Namun begitu, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah ini menjadi satu trauma dan fobia kepada pelajar-pelajar lain apabila melihat insiden yang membawa kematian dan kecederaan berlaku kepada rakan-rakan mereka semasa mengikuti aktiviti kokurikulum di sekolah.

Aktiviti kokurikulum di sekolah sepatutnya mengembangkan kemahiran generik, kemahiran insaniah dan kemenjadian pelajar tetapi malangnya perkara ini menjadi terbantut apabila kemalangan dan kecederaan terus berlaku ketika aktiviti pembelajaran dijalankan. Insiden malang sebegini menimbulkan tanggapan negatif dalam kalangan pelajar untuk mengikuti aktiviti kokurikulum, walaupun Masud (2012) pernah menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum di sekolah adalah sama penting dan berperanan sebagai pelengkap kepada kurikulum. Pandangan ini turut disokong oleh George (2012) dan Jalil (2012) yang melihat aktiviti kokurikulum di sekolah adalah seimbang dengan kurikulum akademik dan perlu dilaksanakan dengan baik serta selamat. Walaupun aktiviti kokurikulum di sekolah mendatangkan banyak kebaikan





dan terbukti sangat penting dalam sistem pendidikan, namun aspek ini sukar dilaksanakan kerana keselamatan pelajar agak kurang terjamin.

Walaupun langkah-langkah keselamatan telah diambil tetapi kemalangan dan insiden-insiden yang tidak diingini terus berlaku. Keadaan ini mempunyai kaitan dengan kecuaihan pihak sekolah, penganjur dan kakitangan serta guru pengiring yang terlibat. Insiden-insiden sebegini tidak akan berlaku sekiranya pihak terbabit mematuhi prosedur keselamatan dan mengetahui pengurusan keselamatan yang perlu dipatuhi semasa kecemasan. Tindakan ini adalah penting bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelajar yang terbabit itu terjaga ketika melakukan aktiviti kokurikulum di sekolah (Eng, 2016).



Kematian pelajar berusia 16 tahun selepas menjalani latihan merentas desa merupakan antara kes yang dipandang serius (Amirul Aiman Hamsuddin, 2020). Seterusnya, insiden pelajar Tingkatan 4 nyaris buta, anak panah tertusuk mata waktu latihan (Adie Sufian Zulkefli, 2019), Pelajar UniMAP maut ketika aktiviti mendaki (Dziyaul Afnan Abdul Rahman, 2017), pelajar dan guru terkandas atas bukit (Noor Hidayah Tanzizi, 2018), tiga orang pelajar lemas ketika mengikuti program perkhemahan sekolah di sebuah tempat peranginan (Mohd Izham Unnip Abdullah, 2017), murid tergelincir ketika menuruni bukit dan mengalami kecederaan di kaki (Mohd Taha Yaacob, 2017), dua pelajar maut dihempap pokok tumbang manakala enam cedera parah ketika menjalani perkhemahan di hutan simpan (Noor Ainum Ibnu Hajar Abu Seman, 2017), maut ditimpa palang gol (Mohammad Ishak, 2018) dan pelajar lemas di kolam renang hotel (Omar Osman, 2017) merupakan antara kes- kes yang hangat dibincangkan dalam tempoh kejadian.





Nyata sekali, pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah ini memang mencabar, seperti yang sering dilaporkan dalam media massa sama ada elektronik atau bercetak. Kemalangan-kemalangan yang melibatkan pelajar sekolah berlaku akibat kekurangan pengetahuan asas tentang keselamatan diri semasa melaksanakan aktiviti. Insiden ini terus terjadi kerana masih terdapat sekolah dan para guru yang tidak jelas pemahaman mereka mengenai pelaksanaan langkah-langkah keselamatan, pengurusan keselamatan serta prosedur yang perlu dipatuhi dan di implementasi kepada pelajar semasa menganjurkan aktiviti-aktiviti kokurikulum (Eng, 2013).

Aktiviti kokurikulum di sekolah sememangnya terdedah kepada pelbagai isu keselamatan iaitu sebelum, semasa mahupun selepas aktiviti dijalankan. Namun begitu, pendedahan tentang langkah-langkah keselamatan dan pengurusan keselamatan yang betul dapat mengelakkan berlakunya kemalangan ke atas pelajar yang boleh mengakibatkan kematian dan kecederaan. Pengurusan keselamatan yang berimpak dan efisien sangat penting bagi memastikan aktiviti yang dianjurkan bebas dan selamat daripada sebarang kecederaan secara langsung atau tidak langsung (Torkos, 2018).

Sesungguhnya, pengurusan keselamatan yang efisien dan berkualiti dapat membina kepercayaan pelajar dan ibu bapa bagi meningkatkan kualiti dan kesejahteraan pelajar sekolah (Jaffry Zakaria, Mohd Harun dan Norlena Salamuddin, 2018). Pendapat ini turut disokong oleh Ismail dan Zainuddin (2018) yang menyatakan bahawa aspek keselamatan perlu diterapkan di semua peringkat seperti pentadbir, pelaksana dan peserta itu sendiri. Guru yang mengetahui aspek keselamatan dapat bertindak dan memberikan bantuan mengikut langkah-langkah keselamatan yang betul berdasarkan situasi yang dihadapi dan mengikut prosedur. Mereka tidak akan bertindak





membuta tuli sehingga boleh menyebabkan kecederaan yang lebih parah dan mengakibatkan kematian.

Oleh yang demikian, satu modul pengurusan keselamatan perlu difikirkan dan dibina bagi meminimumkan dan seterusnya mengelakkan insiden kemalangan dan kecelakaan daripada berlaku semasa menjalankan aktiviti kokurikulum di sekolah. Modul ialah satu komponen yang harus dilaksanakan dalam sebarang jenis aktiviti dan program yang dijalankan. Menerusi pembinaan modul, sesuatu aktiviti itu dapat menyerlahkan kebaikan dan kelemahannya. Perkara tersebut memberi peluang kepada organisasi untuk memperbaiki kelemahan yang ada dan memantapkan lagi kebaikan yang sedia ada. Pembinaan modul ini boleh menjadi asas dan panduan dalam menilai keselamatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.



Menurut Stufflebeam (1986) penilaian dalam bentuk modul memainkan peranan penting dalam membantu untuk menambah baik sesuatu program, mengenal pasti kelemahan dan kelebihan program yang dianjurkan dan melakukan perubahan yang membawa kebaikan kepada program tersebut. Kirkpatrick dan Kirkpatrick (2016) pula menyatakan bahawa penilaian modul ialah proses sistematik dalam mengumpul dan menganalisis maklumat pelanggan untuk memperbaiki dan memperihalkan kebaikan sesuatu program atau aktiviti yang dijalankan.

Dalam pada itu, Rognas, Hansen, Kirkegaard, dan Tonnesen (2013) pihak organisasi perlu mempunyai kesedaran serta keprihatinan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan peserta atau pelajar yang terlibat dalam sesuatu aktiviti kokurikulum di sekolah. Organisasi itu perlu berusaha dalam mengawal, memantau dan mengawasi





keadaan kesihatan dan keselamatan peserta tersebut ketika menjalankan aktiviti. Ismail dan Zainuddin (2018) juga menegaskan bahawa perlu ada satu modul pengurusan keselamatan yang boleh dijadikan sebagai panduan dan SOP (*Standard of Procedure*) yang sedia ada perlu dikemaskinikan supaya modul tersebut sentiasa mengikut amalan keselamatan yang *standard*.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan di Malaysia merangkumi aktiviti kokurikulum dan kurikulum. Aktiviti kokurikulum bermaksud sebarang aktiviti yang dirancang dan dijalankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah, manakala kurikulum membawa maksud menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah (KPM, 2011; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007; Warta Kerajaan No. 5652 Jilid 11/Bil.27 (Tambahan No. 2) bertarikh 28hb Disember, 1967; *Schools Societies Regulations*, 1956).

Aktiviti kokurikulum di sekolah ini dapat menyediakan pelajar dengan pelbagai input seperti pengetahuan, minat, jasmani, bakat, rohani, dan pengalaman bagi perkembangan minda, pembinaan nilai-nilai estetika serta tingkah laku sosial yang positif. Sebagai sebahagian daripada kurikulum kebangsaan, kokurikulum menjadi satu pembelajaran yang wajib di sekolah (Undang-undang, 2003; Akta pendidikan kebangsaan, 1996). Kepentingan pembelajaran aktiviti kokurikulum di sekolah adalah selaras dengan matlamat utama Falsafah Pendidikan Negara (FPN) iaitu untuk memperkembangkan lagi potensi diri secara holistik dan berterusan bagi membina





generasi insan yang seimbang dan harmonis dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan.

Falsafah FPN ini menjadi penanda aras kepada pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan individu yang memenuhi kehendak pembangunan negara. Komponen kokurikulum sepertimana yang termaktub dalam sub peraturan 3 (3) dalam peraturan-peraturan pendidikan kurikulum kebangsaan 1997, yang diterbitkan sebagai P.U (A) 531/97, kegiatan kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan ialah penyertaan dalam badan beruniform, penyertaan dalam sukan dan permainan, penyertaan dalam persatuan dan kelab serta penyertaan dalam kegiatan-kegiatan lain sebagaimana ditentukan oleh menteri (Warta Kerajaan, 1997).



(Persatuan sekolah) 1998 jil.42/no.11 (tambahan No.41), perundangan. (A), P.U. (A) 196 bertarikh 21 Mei 1998, antara perkara yang ditekankan adalah, kegiatan kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan meliputi kegiatan dalam persatuan yang ditubuhkan di sekolah daripada kategori yang berkaitan dengan hobi dan rekreasi. Misalnya kelab dan persatuan seperti kelab pencinta alam, kelab rekreasi, kelab *orienteering*, kelab fotografi, kelab pencinta alam, kelab bumi hijau, kelab pencinta haiwan, kelab elektronik, kelab reka cipta, persatuan sains, persatuan doktor muda, kelab sivik dan pelbagai kelab serta persatuan yang difikirkan sesuai mengikut kesesuaian sekolah dan persekitaran serta kemudahan yang ada (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2000).





Aktiviti sukan dan permainan pula terdiri daripada kelab badminton, kelab ping pong, kelab bola sepak, kelab *bowling*, kelab catur, kelab bola jaring, kelab bola tampar, kelab gimnastik, kelab olahraga, kelab berbasikal, kelab memanah, kelab renang, kelab polo air, kelab sofbol, kelab *petanque* dan kelab yang difikirkan sesuai mengikut pelajar sekolah tersebut. Badan beruniform yang terdapat di sekolah adalah seperti pergerakan pengakap, pergerakan pandu puteri, pasukan kadet polis, pasukan kadet bomba dan penyelamat Malaysia, pasukan kadet pertahanan awam (JPA 3), pasukan kadet bersatu Malaysia (darat, laut dan udara), persatuan bulan sabit merah, persatuan St John Ambulans, kelab judo, kelab karate, kelab taekwando serta yang diluluskan oleh pentadbiran sekolah. Aktiviti kokurikulum di sekolah ini dapat menggembeleng bakat dan potensi pelajar secara holistik dan meningkatkan minat mereka terhadap pembelajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007).



Pekeliling ikhtisas bilangan 9/2000 menjadi salah satu pekeliling yang penting untuk diikuti dan dijadikan sebagai panduan di sekolah yang dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama menekankan tanggungjawab guru opsyen Pendidikan Jasmani Kesihatan dalam menyediakan, mengatur dan memulangkan alat serta menjaga pelajar dengan rapi di dalam atau di luar bilik darjah. Manakala, guru kokurikulum dan sukan diberi tugas untuk memantau dan mengawasi keselamatan pelajar yang sedang melakukan aktiviti serta memeriksa setiap alatan yang digunakan dalam keadaan selamat dan baik. Pelajar juga ditekankan agar mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa, penjaga dan pengetua untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti sukan dan kokurikulum di luar sekolah (Diah dan Abd Rahim, 2014; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).



Bahagian kedua pekeliling tersebut menekankan bahawa keselamatan dan kebajikan pelajar diberi keutamaan seperti makanan dan minuman yang bersih yang disediakan sepanjang aktiviti. Bahagian ketiga mewajibkan guru mengiringi pelajar dalam semua aktiviti kokurikulum dalam sekolah dan di luar kawasan sekolah. Seorang guru perempuan wajib mengiringi pasukan yang turut disertai oleh pelajar perempuan. Bahagian keempat menekankan bahawa guru perlu mengawasi dan memberi perhatian terhadap kesihatan pelajar sepanjang masa aktiviti. Bahagian kelima, pelajar yang mempunyai penyakit atau masalah kesihatan yang kronik hanya dibenarkan menyertai aktiviti dengan rela hati tanpa sebarang paksaan. Bahagian keenam pula menekankan bahawa pelajar-pelajar yang ingin menyertai aktiviti lasak perlu menjalani pemeriksaan doktor bagi memastikan pelajar tersebut dalam keadaan yang cukup sihat untuk menjalankan aktiviti berkenaan (Jani et al., 2020; Kementerian Pendidikan Malaysia,

Bahagian ketujuh dalam pekeliling tersebut melarang sama sekali pelajar-pelajar yang tidak sihat seperti penghidap asma dan mereka yang mengalami kecederaan belum sembuh (kecederaan yang dialami sebelum menjalankan aktiviti) daripada mengambil bahagian dalam aktiviti sukan di dalam dan luar sekolah. Pihak sekolah juga disarankan untuk mengambil skim perlindungan diri untuk semua pelajar. Polisi tersebut mesti termasuk melindungi pelajar daripada kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik dari sekolah, kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik bersukan, kemalangan semasa terlibat dengan aktiviti sukan dan kokurikulum serta kemalangan yang disebabkan oleh peralatan sukan yang masih dalam jaminan pembekal peralatan sukan (Eng, 2016; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).



Selain itu, aktiviti-aktiviti berbahaya yang boleh menyebabkan kematian dan kecederaan parah mesti dijalankan pada masa berasingan dengan sukan atau aktiviti lain. Antaranya, acara merejam lembing, melontar peluru, melepar cakera, melontar tukul besi, melompat tinggi, melompat bergalah, permainan hoki, golf, kriket, bola baling, *biliard*, *darts*, memanah dan gimnastik. Di samping itu, peralatan bagi acara-acara tersebut disimpan dengan rapi di kawasan yang selamat serta di rekod penggunaannya sebelum dan selepas digunakan. Peralatan yang rosak hendaklah dilaporkan kepada pihak pentadbir untuk tindakan selanjutnya (Eng, 2016; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Guru yang membuat pesanan pembelian peralatan aktiviti perlu memastikan alatan yang dibeli mempunyai jaminan dan mengikut piawai yang ditetapkan oleh badan yang diiktiraf. Peralatan yang telah tamat tarikh luput perlulah dimusnahkan dengan serta-merta atau dibuat hapus kira. Guru juga diingatkan agar tidak membeli, meminjam atau memberi pinjam peralatan sukan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh badan sukan berkaitan. Kawasan untuk aktiviti sukan atau permainan perlu dalam keadaan yang baik dan terurus semasa digunakan. Kawasan larangan dan berbahaya seperti kolam renang, dewan gimnastik, bilik kecergasan, bilik latihan bebanan, stor sukan, kawasan berpagar tempat menyimpan peralatan sukan yang besar seperti tiang gol mesti sentiasa diawasi dan hanya dibenarkan penggunaannya oleh guru atau jurulatih sahaja (Eng, 2016; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Antara perkara lain yang disentuh oleh KPM dalam pekeliling itu adalah berkaitan dengan cuaca dan musim. Pelajar dilarang menjalankan aktiviti kokurikulum di sekolah terutamanya kawasan lapang ketika cuaca buruk atau berpetir dan kilat.





Larangan ini meliputi aktiviti di padang atau di kolam renang serta perlu menghentikan kegiatan jika keadaan atau cuaca menjadi gelap sebagai tanda hendak hujan. Jika berlaku sebarang kemalangan atau kecederaan semasa pelajar menjalankan aktiviti hendaklah disiasat dan dilaporkan kepada pengetua dengan kadar segera untuk tindakan selanjutnya dan perlu direkodkan (Eng, 2016. Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Bagi aktiviti sukan berkemahiran tinggi seperti gimnastik, terjun, sukan renang dan aktiviti yang memerlukan jurulatih yang bertauliah, pihak sekolah dinasihatkan supaya menjalankan aktiviti ini dengan pengawasan jurulatih yang mempunyai kepakaran dalam sukan berkenaan. Akhir sekali, guru diingatkan untuk membuat laporan kepada pihak sekolah berkaitan aktiviti yang dijalankan di dalam atau di luar sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Rentetan daripada surat pekeliling ikhtisas 9/2000 iaitu Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan di Dalam dan di Luar Kawasan Sekolah, Pihak KPM telah mengeluarkan surat pekeliling ikhtisas 5/2016 sebagai maklumat tambahan kepada surat pekeliling ikhtisas 9/2000. Maklumat tambahan ini menyentuh aspek peralatan sukan, aktiviti sukan, kawasan sukan atau permainan, aktiviti sukan kemahiran, skim perlindungan, peralatan dan penyelenggaraan peralatan yang terbahagi kepada tiga fasa iaitu sebelum aktiviti dijalankan, semasa aktiviti dijalankan dan selepas aktiviti dijalankan. Ketiga-tiga fasa menyentuh tentang keselamatan pelajar dalam menjalankan aktiviti kokurikulum serta tugas-tugas seorang guru yang perlu dititikberatkan seperti dinyatakan dalam pekeliling ikhtisas 9/2000. Tambahan surat pekeliling ini





menunjukkan komitmen KPM dalam memastikan keselamatan pelajar dan guru dalam menjalankan aktiviti kokurikulum di sekolah, sentiasa selamat dan terkawal daripada risiko bahaya.

Aktiviti kokurikulum di sekolah, sememangnya mempunyai risiko yang cukup tinggi apabila melibatkan pelajar sekolah. Aspek keselamatan menjadi elemen penting menyentuh isu berkaitan dengan pembelajaran pelajar. Menyedari pentingnya aspek keselamatan, Malaysia telah menubuhkan beberapa agensi dan pertubuhan yang memainkan peranan dalam menjaga keselamatan. Pihak yang bertanggungjawab dalam menjaga perkhidmatan, kualiti, prestasi dan mencegah sebarang potensi ketidakakuran perkhidmatan serta kemungkinan kemalangan dari insiden tempat kerja di Malaysia ialah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang ditubuhkan pada tahun 1978. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) diwujudkan pada tahun 1994 dengan objektif menghasilkan budaya kerja yang sihat dan selamat dalam kalangan pekerja dan majikan. Badan akta keselamatan dan kesihatan pekerjaan (AKKP) ini memainkan peranan penting dalam mengawal risiko kemalangan yang berlaku dalam industri (Laporan Tahunan JKKP, 2012).

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) ditubuhkan pada 1 Disember 1992 di bawah akta syarikat 1965. NIOSH juga turut membantu dalam mempromosikan dan melaksanakan program keselamatan dan kesihatan di sekolah terpilih (*OSH In School*) sejak 2015 yang turut disertai oleh 50 buah sekolah yang berminat dalam program sebegini. Namun begitu, program *OSH In School* terpaksa dihentikan disebabkan kekurangan peruntukan kewangan untuk meneruskan program tersebut (Suzianah Jiffar, 2017). Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha





mengambil langkah-langkah keselamatan dalam mengawal serta mencegah berlakunya kemalangan di sekolah dan khususnya aktiviti kokurikulum (Warta kerajaan, 1967). Antara program dan rancangan yang diperkenalkan oleh KPM ialah rancangan kesihatan, program bersepadu sekolah sihat pada tahun 1966 dan polisi sekolah selamat yang diwujudkan bagi meningkatkan pemahaman berkaitan risiko dan pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah dalam segala aspek (KPM, 2002). Walaupun langkah-langkah keselamatan telah diambil namun kajian-kajian berkaitan keselamatan perlu diperbaharui dari semasa ke semasa bagi mengatasi isu-isu keselamatan mengikut peredaran masa dan situasi semasa.

1.3 Penyataan Masalah



Aktiviti kokurikulum di sekolah mewujudkan pelbagai manfaat dalam membina bakat dan kemahiran insaniah pelajar, namun aktiviti kokurikulum juga berpotensi dalam menjejaskan keselamatan pelajar dengan mendatangkan kecederaan dan kemalangan semasa aktiviti dijalankan.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil pelbagai inisiatif dalam memastikan keselamatan pelajar menjadi keutamaan mereka. Antara inisiatif yang diambil adalah dengan memperkenalkan surat pekeliling ikhtisas 1/1995, 8/2009, 9/2000 dan 5/2016. Antara badan bukan kerajaan yang turut menyokong dasar kerajaan adalah Institut keselamatan dan kesihatan pekerja (NIOSH) yang menyediakan garis panduan bagi membantu mengawal keselamatan pelajar semasa penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Namun kecederaan dan kemalangan terus berlaku semasa





aktiviti kokurikulum. Hal ini dapat dilihat daripada laporan oleh Amirul Aiman Hamsuddin, (2020); Adie Sufian Zulkefli, (2019); Noor Hidayah Tanzizi, (2018); Mohd Izham Unnip Abdullah, (2017); Mohammad Ishak, (2018) yang melaporkan kes-kes kemalangan, kematian dan kecederaan yang melibatkan pelajar semasa menjalankan aktiviti kokurikulum di dalam dan di luar bilik darjah.

Permasalahan pertama yang wujud ialah masalah pengurusan keselamatan dalam aktiviti kokurikulum yang menjadi antara faktor utama yang meningkatkan risiko dan kemalangan berlaku semasa aktiviti kokurikulum dijalankan. Perancangan, pemantauan dan pelaksanaan yang tidak teratur dari aspek kepakaran, persekitaran tempat aktiviti, kapasiti pelajar, panduan tatacara pengendalian aktiviti, peralatan, infrastruktur, penyelenggaraan bahan di makmal, memberi kesan kepada keselamatan pelajar. Awang dan Suyanto (2017) turut menyatakan kejadian kes-kes dalam aktiviti kokurikulum khususnya disebabkan oleh pengurusan keselamatan yang lemah dan tidak sistematik. Bagi meminimumkan potensi risiko dan meningkatkan keselamatan semasa aktiviti adalah dengan membangunkan suatu prosedur panduan pengurusan keselamatan yang komprehensif dan sistematik oleh sekolah.

Perangkaan dan perancangan pengurusan keselamatan untuk sekolah terutamanya guru dapat membantu mereka dalam mengenal pasti, penilaian, pemilihan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum bagi menjamin keselamatan pelajar dapat di perkasa. Pengurusan keselamatan yang dirangka seharusnya melindungi setiap lapisan individu di sekolah dan merupakan elemen penting dalam mengekalkan suasana dan budaya sekolah yang sihat, (Awang, dan Charles Singka; Mustaffa, 2015).





Guru yang cuai dan leka dengan aspek keselamatan semasa aktiviti kokurikulum mampu mewujudkan risiko dan kemalangan yang tidak diingini. Maka bagi mengelakkan risiko daripada terus meningkat maka guru perlu mengutamakan keselamatan pelajar tanpa ada prejudis. Hussin (2018) turut memperjelas bengkel atau kursus kemahiran untuk guru penasihat kokurikulum kurang dilaksanakan, yang juga menyebabkan guru penasihat kokurikulum kurang berkemahiran dan hanya menjalankan tugas sekadar mampu dan tahu. Nor (2016) menjelaskan mengikut undang-undang Tort, guru diklasifikasikan sebagai orang yang berkemahiran atau kepakaran dalam sesuatu bidang yang berkaitan.

Guru juga bertindak sebagai *loco parentis* iaitu penjaga yang sah di sisi undang-undang terhadap pelajar semasa berada di bawah pengawasan guru semasa menjalankan aktiviti. Dengan mengambil kira guru penasihat kokurikulum sebagai tugas hakiki, seseorang guru boleh dikatakan cuai jika tidak berhati-hati dalam mengambil langkah keselamatan sewaktu menjalankan tugas hakiki sebagai guru terutamanya sewaktu sesi persekolahan berlangsung serta boleh diambil tindakan undang-undang jika berlaku kecederaan kepada pelajar di bawah pengawasan guru tersebut, (Norchaya Talib, 2015). Pihak sekolah boleh menjadi prihatin kepada permasalahan guru-guru penasihat kokurikulum ini dengan membantu menyediakan satu modul dengan tatacara dalam pengurusan keselamatan semasa mengendalikan aktiviti kokurikulum. Garis panduan ini juga mampu mengembalikan kredibiliti peranan in *loco parentis* bagi pihak guru dan sekolah.

Faktor-faktor yang berpotensi dalam meningkatkan risiko kemalangan dan menjejaskan keselamatan pelajar semasa menjalankan aktiviti kokurikulum adalah





seperti berikut: Faktor pertama yang dikenal pasti adalah faktor persekitaran. Kalaiselvan dan daud (2021), menyatakan faktor persekitaran yang tidak kondusif dapat meningkatkan risiko keselamatan pelajar semasa aktiviti kokurikulum. Faktor persekitaran seperti padang yang sempit dan tidak selamat dan cuaca yang panas juga menjadi risiko kepada pelajar. Pelaksanaan aktiviti dalam keadaan yang sempit dan panas sememangnya dapat mendatangkan kecederaan dan hipertermia kepada pelajar. Faktor kedua adalah faktor pelajar iaitu berorientasikan tingkah laku pelajar. Awang dan Suyanto (2017), menerangkan faktor tingkah laku pelajar turut merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan risiko keselamatan. Antara kes-kes yang melibatkan tingkah laku nakal dan tidak berfokus pelajar ketika aktiviti berjalan, cuai semasa melakukan aktiviti dan tidak mengambil peduli aspek keselamatan, serta mengganggu rakan sekelas. Ali, Choo, Sharifah Zarina, Mokhtar dan Halim (2014) turut menyokong bahawa kecuai dan kejahilan pelajar adalah antara punca kemudaratan dan kemalangan berlaku. Hal ini boleh berlaku disebabkan kurang pendedahan berkenaan dengan aspek keselamatan semasa mengendalikan peralatan pembelajaran.

Faktor ketiga adalah faktor peralatan, Jaffry Zakaria, Mohd Harun, dan Norlena Salamuddin, (2018) menjelaskan faktor peralatan yang tidak di selenggara, terabai, peralatan yang uzur menjadi antara faktor yang mendatangkan kecederaan dan kemalangan kepada pelajar semasa aktiviti. Penyelidik menekankan aspek keselamatan perlu diberi perhatian yang sewajarnya bagi memastikan risiko dan musibah kepada pelajar dapat dielakkan dan menjalankan aktiviti dengan selamat. Rahman, Awang dan Ahmad (2018) bersetuju bahawa keselamatan pelajar tidak terjamin jika penyelenggaraan peralatan tidak diurus dengan baik.





Walaupun terdapat modul seperti keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi aktiviti kokurikulum di sekolah yang disediakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (2018), namun modul tersebut lebih berfokuskan kepada aktiviti riadah dan rekreasi yang holistik, dan bukan sepertimana terdapat dalam pekeliling yang di keluarkan oleh KPM. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, perlu adanya satu modul pengurusan keselamatan dalam kokurikulum yang menepati aspek yang disarankan oleh KPM mengikut pekeliling khas bagi aktiviti di sekolah. Modul tersebut dapat membimbing, menjadi rujukan kepada guru berkaitan tatacara mengendalikan menjalankan aktiviti dengan selamat dan tindakan yang sepatutnya diambil pada masa kecemasan. Pembinaan modul pengurusan keselamatan kokurikulum bertujuan memastikan keberkesanan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah secara spesifik dan terperinci dapat dilengkapkan dan dilaksanakan secara sepenuhnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1985).



KPM sentiasa mengkaji dan mengeluarkan garis panduan dan pekeliling-pekeliling berkaitan keselamatan pelajar dalam kokurikulum. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/1995; Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan di Dalam dan di Luar Kawasan Sekolah; Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9/2000 (4.10) dan (4.11) Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta kegiatan kokurikulum dan sukan di dalam dan di luar kawasan sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, dan Manual Sekolah Selamat (2002). Walaupun terdapat pelbagai surat pekeliling mengikut peredaran masa, namun perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengurusan keselamatan terletak pada kebijaksanaan pihak sekolah dan guru.



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 juga memberikan penekanan kepada aktiviti kokurikulum yang mementingkan keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Jika masalah ini tidak dapat ditangani secara proaktif dan efisien, maka misi, visi serta objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berasaskan kemenjadian pelajar tidak dapat dicapai dan tidak dapat dilaksanakan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Tegasnya, dengan pembinaan modul pengurusan keselamatan bagi aktiviti kokurikulum maka pihak sekolah dapat mengelak, mengatasi dan mensifarkan kemalangan dalam aktiviti kokurikulum di sekolah dan seterusnya menjamin keselamatan pelajar.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia merupakan suatu rancangan yang menerajui sistem pendidikan negara dan membawa pendidikan negara ke tahap yang lebih berdaya saing. Dapatan kajian ini dapat membantu pihak sekolah dalam mengendalikan pengurusan keselamatan dan mengatasi risiko aktiviti kokurikulum di sekolah. Seajar dengan itu, kajian ini mampu mencapai aspirasi guru dan membimbing dalam membuat penilaian yang sahih dan boleh dipercayai serta tekal. Berikut adalah antara kepentingan kajian yang dapat dikenal pasti iaitu;

- i. Hasil kajian ini dapat memberi maklum balas terhadap pengawalan dan pencegahan risiko keselamatan dalam konteks aktiviti kokurikulum di sekolah.
- ii. Sebuah modul pengurusan keselamatan bagi aktiviti kokurikulum di sekolah

dapat dihasilkan bagi mengurangkan dan mengawal insiden kemalangan daripada terjadi semasa aktiviti kokurikulum di sekolah.

- iii. Dapatan kajian ini membentuk garis panduan dan menjadi sumber rujukan untuk penambahbaikan dan peningkatan kualiti pengurusan keselamatan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah.
- iv. Dapatan kajian ini memberi impak positif dalam pelaksanaan pengurusan keselamatan semasa aktiviti kokurikulum di sekolah supaya pengurusannya menjadi lebih teratur dan sistematik semasa menangani apa jua situasi yang dihadapi oleh pelajar sekolah.
- v. Dapatan kajian ini menunjukkan statistik yang positif dengan menurunkan angka kemalangan dan insiden di sekolah sebagai suatu jaminan kepada ibu bapa dan masyarakat bahawa aktiviti kokurikulum di sekolah adalah selamat.
- vi. Dapatan kajian ini menambah baik modus operandi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah yang akan memberi penekanan kepada implementasi holistik dalam menangani isu keselamatan pelajar dengan menggunakan modul pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah.

Penyelidik berharap agar dapatan kajian ini menjadi kayu pengukur kepada penyelidik lain yang akan membuat kajian dalam bidang pengurusan keselamatan supaya dapat mengemaskinikannya dari semasa ke semasa mengikut peredaran masa, iklim dan situasi aktiviti kokurikulum di sekolah.

1.5 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah membangunkan modul pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah berasaskan faktor persekitaran, faktor peralatan dan faktor pelajar bagi guru-guru penasihat kokurikulum di Sabah. Objektif kajian ini secara spesifiknya adalah seperti berikut;

- i. Membina modul pengurusan keselamatan bagi aktiviti kokurikulum di sekolah berasaskan faktor persekitaran, faktor peralatan dan faktor pelajar secara menyeluruh.
- ii. Mengenal pasti kesahan pakar bidang modul pengurusan keselamatan bagi aktiviti kokurikulum di sekolah berasaskan faktor persekitaran, faktor peralatan dan faktor pelajar secara menyeluruh.
- iii. Mengenal pasti kebolehpercayaan modul pengurusan keselamatan bagi aktiviti kokurikulum di sekolah berasaskan faktor persekitaran, faktor peralatan dan faktor pelajar secara menyeluruh.
- iv. Menguji keberkesanan modul pengurusan keselamatan bagi aktiviti kokurikulum di sekolah berasaskan faktor persekitaran, faktor peralatan dan faktor pelajar secara menyeluruh.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan di atas, penyelidik telah menyenaraikan persoalan kajian dan hipotesis nul kajian seperti berikut;

- i. Apakah nilai kesahan pakar bidang terhadap pembangunan modul pengurusan keselamatan bagi aktiviti kokurikulum di sekolah berasaskan faktor persekitaran, faktor peralatan dan faktor pelajar secara menyeluruh?
- ii. Apakah nilai kebolehpercayaan modul pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah berasaskan faktor persekitaran, faktor peralatan dan faktor pelajar secara menyeluruh?

1.7 Hipotesis Nul Kajian

Ho¹ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor min faktor persekitaran terhadap pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah di antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan dengan mengawal skor pra?

Ho² Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor min faktor peralatan terhadap pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah di antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan dengan mengawal skor pra?

Ho³ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor min faktor pelajar terhadap pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah di antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan dengan mengawal skor pra?

Ho⁴ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ke atas skor faktor persekitaran, faktor peralatan dan faktor pelajar terhadap pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah di antara kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan dalam skor pasca?



1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan bagi tujuan membangunkan dan mengesahkan modul pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah, dalam kalangan guru yang mengendalikan aktiviti kokurikulum di sekolah di Sabah. Kajian ini dijalankan berdasarkan limitasi seperti berikut;

- i. Kajian ini hanya melibatkan penilaian keberkesanan oleh guru di sekolah dan tidak di implementasi kepada pelajar oleh kerana pandemik Covid-19.
- ii. Subjek kajian terdiri daripada guru-guru kokurikulum iaitu guru penasihat sukan dan permainan; unit beruniform serta kelab dan persatuan, yang mengendalikan aktiviti kokurikulum di sekolah yang dipilih secara rawak mudah.
- iii. Kutipan data diperoleh secara atas talian dengan menggunakan modul dan instrumen yang dibina oleh penyelidik berdasarkan kesahan dan kebolehpercayaan mengikut persekitaran tempat kajian.
- iv. Kejujuran, motivasi serta kesungguhan responden semasa menilai modul secara digital mungkin memberikan kesan kepada skor nilai yang diperoleh. Oleh itu responden diberikan penerangan agar menilai dengan penuh integriti.
- v. Modul yang dinilai mungkin mengalami ralat atau intervensi terhadap keputusan disebabkan oleh faktor-faktor seperti arahan semasa Kementerian Pendidikan Malaysia. Meski pun begitu, penyelidik akan cuba sedaya upaya untuk mengurangkan gangguan-gangguan luaran yang boleh menjejaskan dapatan kajian dengan cara sebaiknya.



1.9 Definisi Operasional

Pelbagai terminologi dan konsep digunakan dalam konteks kajian pembinaan modul pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah ini. Pemahaman dan pengertian serta maksud terminologi dan konsep dalam konteks penyelidikan ini adalah berdasarkan perihalan istilah-istilah yang digunakan seperti berikut;

1.9.1 Pembinaan

Membina bermaksud membangunkan dan meninggikan mutu taraf yang membawa manfaat kepada sesuatu golongan (Kamus dewan, 2004). Pembinaan dalam konteks kajian ini bermaksud mereka bentuk, membina dan membangunkan sebuah modul pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah.

1.9.2 Pengujian

Pengujian adalah alat atau instrumen yang digunakan untuk memperoleh maklumat berkenaan dengan individu atau sesuatu objek. Instrumen ini boleh didapati dalam bentuk lisan dan tidak lisan (Ahmad Hashim, 2015)



1.9.3 Modul

Modul adalah unit atau bahagian yang lengkap dengan komponen yang dilaksanakan secara tersendiri ke arah pencapaian atau kemahiran (Kamus Dewan, 2010). Modul dalam konteks penyelidikan ini ialah satu prosedur pengajaran dan pembelajaran yang lengkap dengan tatacara pelaksanaan aktiviti dan digunakan sebagai satu panduan untuk diikuti semasa menjalankan aktiviti kepada pelajar (Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad, 2005).

1.9.4 Pengurusan Keselamatan

Pengurusan keselamatan merupakan proses merancang, mengorganisasikan dan mengawal keselamatan. Keselamatan sebagai ketiadaan bahaya, kemalangan dan kecederaan, satu peringkat yang memastikan keselamatan semasa menjalankan aktiviti Holt (2005). Keselamatan turut merujuk kepada keadaan ataupun tindakan yang wajar yang dilakukan bagi mengelakkan diri dari bahaya dan daripada perkara yang tidak diingini berlaku ke atas diri sendiri (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002).

1.9.5 Pembelajaran di Luar Bilik Darjah

Kokurikulum merangkumi semua aktiviti sekolah yang bersifat fizikal serta berpusatkan pelajar yang dijalankan di luar bilik darjah yang terancang dan berstruktur (Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum, 2009). Pembelajaran di luar bilik darjah





adalah aktiviti-aktiviti kokurikulum yang merangkumi aktiviti sukan dan permainan, unit beruniform serta kelab dan persatuan, yang di jalankan di sekolah terhadap pelajar oleh guru (Md Amin Md Taff, 2011).

1.9.6 Kokurikulum Di Sekolah

“Kegiatan kokurikulum” ertinya apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah.” (Buku Panduan kokurikulum, 2009). Aktiviti-aktiviti kokurikulum sebahagian besarnya dilakukan di luar bilik darjah. Ia merupakan aktiviti amali sebagai lanjutan kepada mata pelajaran di dalam bilik darjah, iaitu sebahagian daripada kurikulum formal yang merangkumi aktiviti-aktiviti persatuan, kelab, permainan dan sukan, serta unit beruniform yang dijalankan sebelum atau selepas waktu persekolahan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1985).

1.10 Rumusan

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan modul pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah berasaskan faktor persekitaran, faktor peralatan dan faktor pelajar bagi guru-guru penasihat kokurikulum di Sabah. Bab ini telah membincangkan kepentingan perlunya modul pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah bagi guru untuk mengatasi kemalangan dan kecederaan yang berlaku semasa aktiviti



kokurikulum berjalan.

Penyelidik merumuskan walaupun terdapat modul yang digunakan namun masih bersifat am, tidak diketahui kesahan dan kebolehpercayaan modul dan tidak spesifik bagi mengawal keselamatan dan sukar untuk dijadikan panduan tatacara kepada guru dalam menjalankan aktiviti kokurikulum di sekolah. Dengan pembangunan modul pengurusan keselamatan aktiviti kokurikulum di sekolah ia dapat menjadi modul yang piawai, sah dan boleh dipercayai untuk digunakan oleh guru dan membimbing guru dalam menjalankan aktiviti kokurikulum dengan selamat dan yakin. Seterusnya dalam bab dua akan membincangkan teori-teori dan model berkaitan kajian, serta mensintesis dapatan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan isu yang dikaji.